

Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat Muar
Yusof Bin Boon & Bibi Sakinah Bt Haron Khan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian deskriptif ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan di kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar. Kajian ini melibatkan 55 orang responden. Soal selidik yang mengandungi 31 soalan objektif digunakan sebagai instrumen kajian. Data yang di perolehi dianalisis dalam bentuk kekerapan, peratus dan min dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Pakcages for Social Sciences) Version 15.0. Hasil kajian mendapati tahap min keseluruhan bagi pengetahuan ialah 4.58. Tahap kerja berpasukan pula ialah 4.44. Ini mencerminkan satu tahap yang tinggi. Hasil kajian juga mendapati tiada perbezaan tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan mengikut jantina mahupun pengalaman. Berdasarkan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk membantu meningkatkan pengetahuan dan kerja berpasukan di sekolah ini dan akan terus mengekalkan sekolah ini sebagai sekolah cemerlang.

Katakunci : kerja berpasukan, guru sekolah

Pendahuluan

Selaras dengan komitmen dan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan (*Centre for academic excellence*) di rantau Asia dan juga di peringkat antarabangsa pada abad ke 21, kecemerlangan "world class education" imej dan kualiti pendidikan Negara ini perlu dipertingkatkan ke taraf dunia . Menerusi Rancangan Malaysia yang ke 9, sebanyak RM 45.1 billion telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan dalam usaha membangunkan modal insan yang holistik, sentiasa positif , sanggup bekerja di luar kebiasaan dan bekerja berpasukan dalam usaha meningkatkan kemampuan organisasi ke arah kecemerlangan.

Anugerah Sekolah Cemerlang yang baru sahaja diperkenalkan pada tahun 2007, bagi menggantikan Anugerah Sekolah Harapan Negara merupakan satu pengiktirafan dalam usaha memantapkan kerja berpasukan. Kejayaan sesebuah organisasi mencerminkan kemampuan warga kerjanya bekerja bersama-sama bagi menjayakan visi dan misi sekolah. Peranan sekolah sebagai institusi pembelajaran menjadi wadah dalam melahirkan modal insan bukan sahaja di kalangan murid malahan guru-guru yang sentiasa sanggup menggembeling tenaga untuk berada di tahap profesional yang tinggi.

Kerja berpasukan akan mendidik warga sekolah kepada keseronokan , kekuatan dan keistimewaan kerja berpasukan. Interaksi antara anggota akan lebih berkesan. Sejak awal lagi manusia membentuk kumpulan, di mana kumpulan menjadi asas kehidupan manusia, perlindungan, kerajaan, rekreasi dan pekerjaan. Sikap kumpulan adalah terdiri dari yang tidak bersefahaman sehingga lah yang telah mencapai kejayaan, tetapi adalah jelas bahawa kumpulan yang telah mencapai kejayaan berfungsi sebagai satu unit yang produktif yang dikenali sebagai kerja berpasukan.

Sehubungan itu, amalan kerja berpasukan wujud bagi memudahkan urusan kerja atau tugas yang dijalankan bagi mencapai matlamat organisasi. Amalan kerja berpasukan akan dapat meningkatkan potensi, kebolehan serta kemahiran guru dan akhirnya menyumbang kepada

kecemerlangan sekolah. Justeru itu satu kajian perlu dilakukan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan guru di sekolah.

Pernyataan Masalah

Sekolah yang mengamalkan budaya kerja berpasukan akan dapat meningkatkan prestasi sekolah selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan lebih banyak sekolah cemerlang. Permasalahannya, adakah kejayaan sesebuah sekolah menjadi sekolah cemerlang berpunca dari kerja berpasukan?

Justeru itu kajian ini dijalankan untuk melihat tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan di Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar. Selain dari itu tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan akan dilihat dari aspek jantina dan pengalaman mengajar.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru tentang kerja berpasukan.
- ii. Mengenal pasti tahap kerja berpasukan dalam kalangan guru di Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar,Johor.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang tahap pengetahuan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar, Johor tentang kerja berpasukan mengikut jantina dan pengalaman.
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kerja berpasukan guru sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar mengikut jantina dan pengalaman mengajar.

Kepentingan Kajian

Kajian mengenai budaya kerja berpasukan di Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar,Johor akan dapat memberi gambaran sebenar bagaimana sekolah ini berjaya menjadi sekolah cemerlang 2007.

Kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan dari segi kualiti, peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kerja berpasukan. Bekerja secara kumpulan diharapkan dapat melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi memastikan mereka dapat mejalankan tugas dan tanggung jawab dengan lebih berkesan di samping dapat mempengaruhi ahli pasukannya untuk berkerja secara kolaboratif ke arah mencapai matlamat organisasi.

Guru-guru bersedia untuk menggembeling idea dan menyumbangkan tenaga serta usaha ke arah pengurusan sekolah yang cemerlang. Sekolah yang giat melakukan amalan kerja berpasukan dapat meningkatkan prestasi sekolah, kepuasan bekerja dan produktiviti guru. Dapatkan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan sekolah menyusun perancangan serta strategi berdasarkan keperluan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif berbentuk kajian kes. Ini adalah kerana kajian deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan perkara yang sebenar berlaku. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpulkan data dalam kajian ini.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ialah guru-guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat, Muar ,Johor dan semua guru-guru tersebut telah terlibat sebagai responden kajian.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data primer. Soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan model ciri-ciri berpasukan yang dibina oleh Lussier and Achua (2001) dan “ Team Development Questionnaire” yang berasaskan Model Kepentingan Pembangunan kerja Berpasukan (Kinlaw,1991) dengan mengambil kira ciri-ciri kerja berpasukan yang berjaya dan terbaik. Bahasan ini telah dijadikan asas dan disesuaikan dengan tajuk kajian. Penyelidik membina soal selidik yang mengandungi 26 item. Maklum balas bagi setiap item dibahagikan kepada lima bahagian mengikut skala markat 1 - 5 iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), sederhana setuju (SDS), setuju (S) dan sangat setuju (SS).

Satu set soal selidik telah diedarkan kepada setiap responden. Masa yang diberikan ialah satu minggu untuk menjawab soal selidik.

Instrumen kajian ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada item-item yang berkaitan demografi responden. Bahagian B terdiri daripada item-item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan kerja berpasukan dan tahap kerja berpasukan. Bilangan dan taburan item bagi setiap tahap adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Taburan Item Soal Selidik mengikut Kelompok

Bahagian	Kelompok	Nombor Item	Jumlah Item
A	Demografi	1 – 5	5
B	Tahap pengetahuan tentang kerja berpasukan	7,9,11,16,17,18,20,28,31	9
B	Tahap kerja berpasukan	6,8,10,12,13,14,15,17,19,21,22,24,25,26,27,29,30	17
		Jumlah	31

Soal selidik Bahagian B mengandungi 26 item berkaitan pernyataan dengan tahap pengetahuan guru tentang kerja berpasukan dan tahap kerja berpasukan di sekolah. Ia menggunakan skala markah 1 – 5 seperti berikut;

- 1 - Sangat tidak setuju (STS)
- 2 - Tidak setuju (TS)
- 3 - Sederhana setuju (SDS)
- 4 - Setuju (S)
- 5 - Sangat setuju (SS)

Untuk setiap pernyataan, respon diminta membulatkan respon berdasarkan skala di atas.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang dibina dengan tujuan untuk memastikan soalan yang terdapat di dalam soal selidik sesuai dengan situasi responden. Dalam kajian ini terdapat 10 orang responden telah dipilih dari Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih. Dapatan kajian rintis ini telah dianalisiskan dengan menggunakan perisian analisis data komputer SPSS (version 15.0) untuk mendapatkan nilai *alphnya*. Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik kajian ini ditunjukkan seperti mana dalam Jadual 2.

Jadual 2 Nilai Kebolehpercayaan Koefisien (*Alpha CronBach's*) Soal Selidik Mengikut Soalan Di Bahagian B

Nombor Item	Aspek diuji	Alpha Cronbach's
7,9,11,16,17,18,20,28,31	Tahap pengetahuan guru tentang kerja berpasukan	.869
6,8,10,12,13,14,15,17,19,21, 22,24,25,26,27,29,30	Tahap kerja berpasukan guru-guru	.800
	Nilai keseluruhan item soalan	.905

Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* adalah antara 0.0 hingga 1.0. Apabila nilai Alpha semakin hampir dengan 1.0 ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, manakala jika nilai < 0.6 maka ia menunjukkan kebolehkepercayaan yang lemah

Berdasarkan dapatan analisis kajian rintis seperti dalam Jadual 2 menunjukkan nilai dapatan kebolehkepercayaan untuk setiap komponen. Secara keseluruhan, tahap kebolehkepercayaan instrumen yang dibina adalah tinggi kerana nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi adalah melebihi 0.6 dan hampir dengan 1.00 seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di atas.

Analisis Data

Ujian-t digunakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat tentang kerja berpasukan mengikut jantina. Terdapat sebanyak 55 orang guru perempuan (61.8 peratus) dan 21 orang guru lelaki (38.2 peratus) sebagai responden kajian ini. Dapatkan ujian-t ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3 Analisis Ujian-t Untuk Perbandingan Tahap Pengetahuan Responden Tentang Kerja Berpasukan Mengikut Jantina

Tahap	Jantina	Kekerapan Bil./ (%)	Nilai Signifikan
Tahap pengetahuan guru SK Panit Setongkat tentang kerja berpasukan.	Lelaki	21 (38.2)	0.483
	Perempuan	34 (61.8)	
Jumlah		55 (100.0)	

*signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.050$

Jadual 3 menunjukkan bahawa nilai signifikan Ujian-t bagi tahap pengetahuan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat tentang kerja berpasukan mengikut jantina ialah 0.483 iaitu lebih tinggi daripada aras keyakinan 0.050. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru SK Parit Setongkat tentang kerja berpasukan mengikut jantina yang disignifikan.

Jadual 4 Nilai Signifikan Ujian –T Bagi Tahap Kerja Berpasukan

Tahap	Jantina	Kekerapan Bil./ (%)	Nilai Signifikan
Tahap kerja berpasukan di kalangan guru SK Parit Setongkat .	Lelaki	21 (38.2)	0.580
	Perempuan	34 (61.8)	
Jumlah		55 (100.0)	

*signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.05$

Jadual 4 menunjukkan nilai signifikan Ujian –t bagi tahap kerja berpasukan di Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat mengikut jantina ialah 0.580 iaitu lebih tinggi daripada aras keyakinan 0.050. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap kerja berpasukan mengikut jantina yang signifikan . Oleh itu hipotesis Ho 3 diterima.

Kaedah analisis ANOVA digunakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat tentang kerja berpasukan mengikut pengalaman mengajar responden. Terdapat sebanyak 20 orang responden (36.4 peratus) berpengalaman mengajar selama 16 tahun ke atas. Sebanyak 15 orang responden (27.3 peratus) pula mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun. Sebanyak lapan orang responden (14.5 peratus) berpengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun, manakala terdapat sebanyak tujuh orang responden (12.7 peratus) mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun sahaja. Hanya terdapat lima orang responden (9.1 peratus) sahaja yang berpengalaman mengajar bawah setahun. Dapatkan ANOVA ditunjukkan di Jadual 5.

Jadual 5 Analisis ANOVA Untuk Perbandingan Tahap Pengetahuan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Tahap	Pengalaman Mengajar	Kekerapan Bil./ (%)	Nilai Signifikan
Tahap pengetahuan guru SK Parit Setongkat tentang kerja berpasukan	Bawah 3 tahun	10 (18.2)	.599
	4 -10 tahun	6 (10.9)	
	11 -20 tahun	18 (32.7)	
	Lebih 20 tahun	21 (38.2)	
Jumlah		55(100.0)	

*signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.050$

Kaedah analisis ANOVA digunakan untuk mengenal pasti tahap kerja berpasukan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat mengikut pengalaman mengajar responden.

Jadual 6 Analisis ANOVA Untuk Perbandingan Tahap Kerja Berpasukan Guru SK Parit Setongkat Mengikut Pengalaman Mengajar

Tahap	Pengalaman Mengajar	Kekerapan Bil./ (%)	Nilai Signifikant
Tahap Kerja Berpasukan guru SK Parit Setongkat tentang kerja berpasukan	Bawas 3 tahun	10 (18.2)	0.974
	4 -10 tahun	6 (10.9)	
	11 -20 tahun	18 (32.7)	
	Lebih 20 tahun	21 (38.2)	
Jumlah		55(100.0)	

*signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.050$

Jadual 6 menunjukkan bahawa nilai signifikir ANOVA bagi tahap kerja berpasukan mengikut pengalaman mengajar Ialah 0.974 iaitu lebih tinggi daripada aras keyakinan 0.050. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan kerja berasukan guru SK.Parit Setongkat mengikut pengalaman mengajar yang signifikan. Oleh itu hipotesis Ho4 diterima.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat adalah tinggi. Soal selidik yang digunakan mengemukakan sembilan soalan berkaitan dan setelah dianalisis setiap soalan, didapati bahawa min keseluruhan yang diterima ialah 4.58. Keputusan ini menyokong pendapat Lussier dan Achua (2001), sesebuah pasukan kerja yang berkesan, ia memerlukan ahlinya memiliki ciri-ciri untuk menjayakan matlamatnya iaitu mencapai sinergi, saling menolong antara ahli dan penilaian sebaya, berinovasi dan mencapai kemajuan yang berterusan, kepuasan ahli yang tinggi serta mematuhi kehendak ahli dari segi psikologi. Penjelasan ini menjawab persoalan yang perlu ada bagi memenuhi ciri-ciri kerja berpasukan.

Menurut Rees (1991), salah satu ciri yang utama yang wujud dalam kerja berpasukan ialah ahli-ahlinya perlu saling membantu dan menyumbangkan kepakaran dan kemahiran mereka secara aktif. Mereka juga perlu sentiasa memantau prestasi ahli-ahli yang lain. Ahli pasukan seharusnya memberikan maklum balas dan bersama-sama berusaha dalam menyelesaikan sebarang masalah atau konflik yang timbul dalam pasukan. Dapatan dalam item ini menggambarkan pertukaran dan perkongsian pengetahuan dan pengalaman selepas menghadiri kursus, seminar, bengkel adalah sebahagian budaya kerja berpasukan.

Peter Mears dan Frank Voehl (1994), menyatakan bahawa terdapat empat espek utama bagi kerja berpasukan . Aspek tersebut ialah kemahiran, komunikasi, penyertaan dan keberkesanan. Model Kepentingan Pembangunan Kerja Berpasukan yang direka oleh Kinlaw (1991) juga sependedapat mengenai kerja berpasukan. Kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat meletakkan diri mereka pada tahap tinggi dalam kerja berpasukan. Ini dapat dibuktikan melalui min keseluruhan yang diterima ialah 4.44. Ini bermakna setiap ahli mempunyai kesedaran yang sangat tinggi untuk memainkan peranan masingmasing. Kemahiran yang ada bagi setiap ahli dapat dikongsi dengan baik yang akhirnya mencapai matlamat organisasi (sekolah), mereka sentiasa berusaha untuk peningkatan.

Kemahiran guru-guru dikenal pasti dapat mencapai objektif organisasi. Ini jelas dilihat dalam dapatan kajian ini yang menunjukkan semua responden bersetuju misi dan matlamat sekolah adalah jelas dan nyata iaitu untuk kecemerlangan sekolah. Dari segi komunikasi pula, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat memiliki ciri komunikasi dua hala dan mempunyai semangat kerja berpasukan yang dapat menjalankan perbincangan secara terbuka. Kerja berpasukan membolehkan ahli-ahli pasukan yang terlibat sentiasa bersedia untuk mendengar dan menerima pendapat atau idea yang berbeza. Ahli-ahli pasukan bebas mengemukakan pendapat terhadap masalah pasukan mereka. Ini menyokong pendapat Mohd Yusof yang menekankan elemen komunikasi merupakan elemen yang paling penting dalam menentukan kejayaan dan kecemerlangan organisasi

Dapatan kajian menunjukkan nilai signifikan Ujian-t bagi tahap kerja berpasukan di kalangan responden mengikut jantina ialah 0.580 iaitu lebih tinggi daripada aras keyakinan 0.050. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat tentang kerja berpasukan mengikut jantina yang disignifikan. Oleh itu hipotesis Ho3 diterima. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Tee (2003) yang menyatakan bahawa analisis Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan disignifikan antara guru lelaki dan perempuan dalam menguasai ciri-ciri Teamwork KSA. Oleh itu jelaslah bahawa faktor jantina seseorang guru tidak akan mempengaruhi tahap kerja berpasukan.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa signifikan ANOVA bagi tahap pengetahuan kerja berpasukan dikalangan responden mengikut pengalaman mengajar ialah 0.599 iaitu lebih tinggi daripada aras keyakinan 0.050. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat tentang kerja berpasukan mengikut pengalaman mengajar yang signifikan. Oleh itu hipotesis Ho2 diterima. Menurut Lussier dan Achua (2001), ahli pasukan kerja dalam tahap penghasilan merupakan ahli-ahli pasukan yang sudah mempunyai suatu masa yang agak lama bercampur dan terlibat dalam aktiviti kerja berpasukan. Ahli pasukan sentiasa menghormati dan menjaga kepentingan bersama . Kematangan ahli pasukan banyak membantu kejayaan pasukan.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa signifikan ANOVA bagi tahap kerja berpasukan di kalangan responden mengikut pengalaman mengajar ialah 0.974 iaitu lebih tinggi daripada aras keyakinan 0.050. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap kerja berpasukan di kalangan respon mengikut pengalaman mengajar yang signifikan. Oleh itu hipotesis Ho4 diterima. Menurut James (2001) ahli pasukan bekerjasama dalam suasana yang terbuka dan saling mempercayai serta fleksibel di antara tindakan mereka. Ini adalah kerana mereka sudah lama dan biasa bergaul. Ini menggambarkan ahli-ahli mempunyai tahap profesionalisma yang tinggi berdasarkan pengalaman kerja.

Rujukan

- Chand, Sunil; Holm, Maudie, L. (1998). *Managing for Result Through Temas*. Community Colledge Journal of Research & Practice.22:4. 363-380.
- Daft, R. L. (1999). *Leadership : Theory and Practice*.Orlando,FL.harcourt Brace Colledge Publishers
- Drucker, P.F. (1954), “*The Practice of Management*” New York :Harper & Row.
- Eunson,B.(1987). “Communicating For team Building.” Sydney: McGraw-Hill
- Fleming L.,Janetta; E Monda-Amaya and Lisa (2001). ” *Process Variables-Critical For Teams Effectiveness. Remedial & Special Education.*” 22:3.158-172

- Glenn M.Parker (1994). *Cross-Functional Teams* : Working With Allies, Enemies and other Strangers." San Fransisco: Josey-Bass Publisher
- James, H. Folsom. (2001). "The Team Development Matrix." New York: The WingsGroup
- Jon R. Katzenbach and Doughlas K.Smith (1993). "The Wisdomof the Teams Creating The High-Performing Organizatian." United state of America: Mckinsey & Company, Inc.
- Keen, R. Thomas.(1998). "Creating Effective & Successful Teams." Indiana:Purdue University Press.26.
- Kinlaw,D. C. (1991). "Developing Superior Work Team." California University Association Inc.
- Linda Moran, Ed. Musselwhite, and John.H. Z. (1996)."Keeping Teams on Track: What To Do When The Going Gets Rough." Chicago: IRWIN Profesisional Publishing.31.
- Lussier, N. R. And Achua, C. F. (2001). *Leadership : Theory, Application, Skill Development*. United State of America" South-Western Colledge Publishing.
- Mohd Hizam Hanafiah (2003), *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur. McGraw Hill.
- Mohrman, S. A., Susan G. Cohen and Allan M.Mohrman, Jr. (1995). *Designing Team-Based Organization : New Forms for Knowledge Work*. San Fransisco : Jossey-Bass Publisher.
- Mohd.Yusof Hj, Andres (2006). "Hubungan Pasukan Kerja berkesan Dengan Prestasi kerja Ketua Sains Dan Matematik Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian, Johor. " Universiti Teknologi Malaysia:Tesis M.A.
- Oswald,L.J.(1996). "Work Team In School." Educational Management. ERIC Digest **Series 1**. 103.
- Peter Mears and Frank Voehl (1994). "Team Building : A Structured Learning Approach : Solution Manual. United States of America : St. Lucie Press.
- Quentin R Skrabec (2002). *The Myth Of Teams*. Industrial Management , Norcross. 44:5.25-27
- Richard A.Guzzo, Eduardo Salas and Associates (1995). *Teams Effectiveness And Decision Making in Organization*. San Fransisco : Josey-Bass Publisher. 301-326
- Robbins, Stephen.P. (2000). *Gelagat Organisasi*. Malaysia . Pearson Education Asia Pte Ltd.206.
- Ron Archer (1996). *Ron Archer with Janet Bond Wood on Teams*. Chicago IRWIN Professional Publishing. 67
- Scott, James J, Smith, Stuat, C, (1987). "Collaborative Schools." ERIC Digest **Series 22** 1-3.
- Tee Tiam Chai (2003). "Pengurusan Pasukan Kerja Di Sekolah: Satu Tinjauan Di Kalangan Ketua Pasukan KerjaSekolah Menengah Di Bandar Johor Bharu." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis M.A.
- Zulkiffli bin Abdul Aziz (2000)."Persepsi Guru-Guru Terhadap Budaya Kerja Berpasukan Di Sekolah Menengah Teknik Dalam Daerah Alor Setar." Universiti Teknologi Maaysia: S.M.